

Dapatan Kajian Fasa 3:
Fasa Penilaian Kumpulan Kecil (Kajian Rintis)

Bahagian ini akan memaparkan penilaian pelajar dan guru terhadap kekuatan dan kelemahan prototaip 2 modul bahasa ini setelah disemak semula hasil daripada penilaian pakar dan pengguna (guru dan pelajar) dalam fasa pembangunan. Penilaian ini merupakan kajian rintis terhadap modul ini sebelum dilaksanakan dalam penilaian lapangan. Tujuan utama penilaian kumpulan kecil dilakukan adalah bagi menjawab soalan kajian 5, iaitu ***“Apakah penilaian pelajar dan guru terhadap kekuatan dan kelemahan modul pengajaran Bahasa Melayu secara bersepadu pada peringkat penilaian kumpulan kecil?”***.

Penilaian kumpulan kecil melibatkan lapan hingga 20 pelajar yang dipilih berdasarkan kepelbagaiannya kebolehan, pengetahuan, sikap dan pencapaian akademik. Sebelum penilaian dijalankan, pelajar dimaklumkan bahawa penilaian ini bukanlah bertujuan untuk menilai pencapaian mereka, tetapi dilakukan bagi menilai kekuatan dan kelemahan modul yang dibangunkan.

Penilaian kumpulan kecil dijalankan bagi (1) menentukan keberkesanan perubahan yang dilakukan terhadap prototaip 2 modul ini dengan satu, dan (2) menentukan sama ada pengguna boleh mengguna dan mengikuti pelajaran yang dirancang dalam modul ini tanpa penglibatan pengkaji (pereka bentuk modul) dengan berkesan.

Bagi melihat kekuatan dan kelemahan prototaip modul ini, data deskriptif digunakan. Data deskriptif ini melibatkan (1) komen yang diperoleh daripada guru dan pelajar, (2) temu bual separa struktur yang dilakukan secara bersemuka dengan guru dan pelajar, (3) catatan bertulis penilai semasa percubaan terhadap modul ini

dijalankan, dan (4) bukti dokumen seperti tugas pelajar sama ada dalam bentuk bertulis atau bahan rakaman.

Data tentang kekuatan dan kelemahan modul pengajaran Bahasa Melayu ini dianalisis berdasarkan (1) kemampuan pelajar mencapai objektif pelajaran, (2) kesesuaian masa yang ditetapkan untuk aktiviti pengajaran dan pembelajaran, (3) kebolehlaksanaan bahan dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran, dan (4) kemampuan bahan dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran menarik minat pelajar.

Kemampuan Pelajar Mencapai Objektif Pelajaran

Bagi menganalisis data kemampuan pelajar mencapai objektif pelajaran, Jadual Analisis Pencapaian Objektif Pelajaran (JAPO) digunakan. Menurut Dick, Carey, dan Carey (2005), jadual ini digunakan bagi menunjukkan dua perkara, iaitu (1) kualiti item atau aras kesukaran objektif pelajaran dan (2) kemampuan Jadual Analisis Pencapaian Objektif Pelajaran (JAPO) pelajar menguasai objektif pelajaran yang ditetapkan.

Berdasarkan rumusan jadual analisis penilaian objektif pelajaran di bawah, didapati bahawa semua objektif pelajaran yang dirancang dalam setiap modul dicapai sepenuhnya (Modul 1, 3, 4, 7, 8, dan 9) kecuali Modul 2, 5, dan 6.

Dalam Modul 1 misalnya, kedua-dua objektif, iaitu (1) ‘*Pelajar dapat menyatakan secara lisan sekurang-kurangnya empat sebab remaja terjebak dalam masalah sosial berdasarkan teks yang dibaca*’, dan (2) ‘*Pelajar dapat menyatakan dengan tepat sekurang-kurangnya empat peranan remaja dalam menangani masalah sosial dalam bentuk slogan yang sesuai*’ tercapai sepenuhnya. Ini bermakna, semua pelajar dapat menyatakan secara lisan sekurang-kurangnya empat sebab remaja terjebak dalam masalah sosial berdasarkan teks yang dibaca. Berdasarkan lembaran

kerja yang dibekalkan kepada pelajar, semua pelajar dapat menyatakan faktor remaja terjebak dalam gejala sosial dengan tepat dan juga dapat menghuraikan setiap faktor tersebut dengan tepat.

Dapatan juga menunjukkan bahawa pelajar dapat menyatakan dengan tepat sekurang-kurangnya empat peranan remaja dalam menangani masalah sosial dalam bentuk slogan yang sesuai. Antara slogan yang mereka bina ialah:

“Jauhilah amalan yang tidak sihat”
“Hormatilah hak jiran anda”

Dapatan temu bual dengan pelajar juga menyokong dapatan di atas. Data temu bual separa berstruktur dengan pelajar mendapati tidak terdapat aktiviti atau bahan pengajaran dan pembelajaran yang sukar dikuasai oleh mereka.

Dalam Modul 3 pula, pemerhatian dan bukti dokumen menunjukkan bahawa pelajar boleh mencapai objektif pelajaran yang ditetapkan. Dapatan menunjukkan, kedua-dua objektif, iaitu (1) *‘Pelajar dapat menyatakan sekurang-kurangnya empat ciri kemiskinan dengan tepat berdasarkan video yang ditonton’*, dan (2) *‘Pelajar dapat menulis sajak pendek tentang kemiskinan dengan menggunakan frasa-frasa yang indah dan tepat’* dicapai sepenuhnya. Ini menunjukkan bahawa pelajar boleh menyatakan sekurang-kurangnya empat ciri kemiskinan berdasarkan video yang ditonton. Dapatan juga menunjukkan bahawa semua pelajar boleh menulis sajak ringkas (sekurang-kurangnya satu perenggan) dengan menggunakan frasa indah yang diperoleh daripada lagu ‘Wajah’ yang ditontonkan kepada pelajar sebelum itu.

Begitu juga dengan Modul 4. Berdasarkan catatan lapangan pengkaji dan lembaran kerja yang dilaksanakan oleh pelajar dalam kajian rintis ini, didapati pelajar dapat mengenal pasti (dengan menggaris kesalahan kata panggilan/sapaan yang terdapat dalam teks) dengan tepat dan mereka juga dapat membetulkan kesalahan kata

sapaan tersebut. Yang berikut ialah contoh latihan yang dilakukan oleh pelajar bagi mengenal pasti kesalahan kata sapaan.

Tugasan 1 (Dialog 1)

Murid:	Cikgu, Selamat pagi!
Guru:	Selamat pagi.
Murid:	Cikgu, <u>awak</u> apa khabar? Sihatke?
Guru:	Saya sihat sahaja. Tak ada kelaske sekarang?
Murid:	Tak ada cikgu. Kami pergi perpustakaan tadi. Cikgu Bahasa Melayu cuti cikgu. Cikgu, <u>awak</u> masuk kelas kamilah.
Guru:	Sekarang tak boleh. Saya ada kelas lain pulak.
Murid:	Baiklah cikgu. Saya masuk kelas dulu.
Guru:	Ok.

Tugasan 2 (Dialog 2)

Wartawan:	Apa khabar tuan?
Atlit:	<u>Nizam</u> baik sahaja.
Wartawan:	Apa persediaan tuan bagi menghadapi Sukan Sea November 2011 di Jakarta ini?
Atlit:	Persediaan <u>Nizam</u> macam biasalah. Bos <u>Nizam</u> dah susun semuanya. Jadi, <u>Nizam</u> ikut sajalah jadual yang <u>bos Nizam</u> susun itu.
Wartawan:	Apa sasaran tuan pulak? Ada harapan untuk dapat pingatkah?
Atlit:	<u>Nizam</u> optimis boleh berjaya. Sukan Sea sebelum ini pun <u>Nizam</u> dapat (pingat) emas. Tahun ini <u>Nizam</u> yakin. Boleh dapat punya.
Wartawan:	Baiklah tuan, selamat maju jaya.
Atlit:	InsaAllah. Doakan kejayaan <u>Nizam</u> .

Tugasan 3 (Dialog 3)

Salam semua. Ai ucapkan selamat datang ke sesi temu bual ai. Ai sangat terharu dengan kehadiran yuol wartawan semua. Untuk maklumat yuol semua, ai sudah rakamkan empat buah album untuk yuol. Yuol mesti dengar lagu-lagu ni. Ai akan pilih lagu-lagu yang menarik spesiali untuk yuol. Penerbit ai dan member kru televisyen, deiol telah menyediakan rancangan spesiyel untuk yuol. Wiol telah bekerja keras untuk yuol. Harap yuol dapat eksep ai punya lagu. Bantuan yuol untuk promotkan lagu ni ai sangat hargai. Terima kasih untuk yuol.

Tugasan 4 (Dialog 4)

Gadis:	Berapa sekilo ikan keli ini <u>bang</u> ?
Peraih:	Tak mahal <u>dik</u> , saya boleh bagi murah je.
Gadis:	Kasi tahulah berapa, saya nak beli banyak ni!
Peraih:	Hai cik <u>adik</u> janganlah marah...
Gadis:	Jangan gatallah...
Peraih:	Tak apa, kan <u>adik</u> ada. Tentu boleh garu....
Gadis:	Mengada-ngada....

Dapatkan juga mendapati, Objektif Pelajaran 2 dicapai sepenuhnya. Dapatkan menunjukkan bahawa kelima-lima kumpulan pelajar dapat membina dialog yang ditugaskan dengan menggunakan kata sapaan yang sesuai. Yang berikut ialah contoh dialog yang dihasilkan pelajar kumpulan 1.

Dialog 1:

Arahan	Hasil Dialog Pelajar
<ol style="list-style-type: none"> 1. Buat satu set dialog antara anda selaku ketua pelajar dengan pihak kantin sekolah berhubung isu kebersihan kantin sekolah. 2. Nyatakan pandangan anda tentang kebersihan kantin dan kemukakan beberapa cadangan bagi meningkatkan kebersihan kantin sekolah tersebut. 3. Gunakan kata sapaan yang betul dan tepat. Lakukan aktiviti ini secara berkumpulan. 4. Lakonkan perbualan di atas di hadapan kelas. 	<p>Ketua Pelajar: Selamat pagi, encik. Pengusaha Kantin: Selamat pagi. Ketua Pelajar: Encik, bolehkah saya bagi sedikit pandangan tentang kebersihan kantin? Boleh. Kebersihan kantin kurang memuaskan. Cuma kamu memberi beberapa cadangan. Baiklah, encik harus membersihkan kantin setiap hari. Pastikan pinggan mangkuk dalam keadaan yang bersih sebelum digunakan. Baiklah. Saya akan menjaga kebersihan kantin. Terima kasih. Sama-sama</p> <p>Pengusaha Kantin: Ketua Pelajar: Pengusaha Kantin: Ketua Pelajar: Pengusaha Kantin: Ketua Pelajar:</p>

Kajian rintis juga mendapati semua objektif pelajaran dalam Modul 7 dapat dicapai sepenuhnya. Catatan pemerhatian mendapati semua pelajar dapat menganalisis bunyi yang didengarkan dan memberi pandangan terhadap bahan yang didengar tersebut. Pelajar juga menyatakan dapat menyatakan sekurang-kurangnya 4 peranan mereka dalam mengatasi pemanasan global dalam bentuk forum (Objektif Pelajaran 2).

Selain Modul 7, kajian rintis juga mendapati objektif pelajaran Modul 8 dapat dicapai sepenuhnya. Catatan pemerhatian mendapati, pelajar dapat menyatakan sumbangan sektor pelancongan kepada ekonomi negara berdasarkan teks yang dibaca dan perbincangan dengan guru. Teks ‘Sumbangan sektor pelancongan kepada Negara’ ini juga dapat membantu pelajar meramalkan faedah sektor pelancongan terhadap pendapatan rakyat Malaysia.

Selain itu, Objektif Pelajaran 2, iaitu “menyatakan secara bertulis sekurang-kurangnya 4 kelebihan kawasan pelancongan di tempat sendiri dengan tujuan mempromosikan kawasan tersebut berdasarkan lembaran kerja yang disediakan guru” juga dicapai sepenuhnya. Dapatan kajian mendapati, 10 daripada 12 pelajar dapat menyatakan sekurang-kurangnya empat kelebihan kawasan pelancongan di tempat mereka. Yang berikut adalah antara contoh tugas pelajar yang membincangkan kelebihan satu tempat pelancongan di kawasan mereka sendiri.

Nama kawasan pelancongan yang dipilih	Taman Rekreasi Air Panas (TRAP)
Lokasi	Felda Sungai Klah, Sungkai, Perak.
Kemudahan dan prasana yang ada	1) Bas mini membawa pelancong 2) Gerai dan rumah penginapan/chalet 3) Pondok untuk berehat
Fokus pelancongan Kelebihan kawasan yang dipilih	Alam semula jadi 1) Pelancongan kesihatan (kolam air panas) 2) Berdekatan dengan jalan raya
Kesimpulan	Sangat baik untuk dilawati


(Contoh lembaran kerja Muhammad Amirul, 4PD)

Kajian rintis juga mendapati pelajar dapat mencapai objektif pelajaran bagi Modul 9. Daripada unit pelajaran ini, pelajar dapat menyatakan secara lisan sekurang-kurangnya empat kepentingan sungai kepada masyarakat zaman dahulu dan sekarang berdasarkan bahan yang didengar dan dilihat (Objektif Pelajaran1). Antara jawapan pelajar ialah:

Persamaan dan perbezaan Kegunaan Sungai Mengikut Zaman

Kegunaan Sungai	Zaman Dahulu	Zaman Sekarang
Sumber minuman dan makanan	√	√
Sumber air untuk pertanian	√	√
Pengangkutan	√	X
Keperluan harian	√	X
Pusat pentadbiran kerajaan	√	√
Pelancongan	X	√

Selain itu, pelajar juga dapat menyatakan secara lisan sebab-sebab manusia harus menghargai air berdasarkan teks ‘Menghargai nilai air’ (Objektif Pelajaran 2). Di samping itu, secara berkumpulan, pelajar turut dapat menyatakan pendapat mereka bagi mengatasi masalah pencemaran sungai (Objektif Pelajaran3) dalam bentuk bahan grafik. Yang berikut adalah antara bahan grafik yang dihasilkan oleh kumpulan pelajar tersebut:



Gambar 4.6. Contoh bahan grafik yang dihasilkan kumpulan pelajar.

Dapatan kajian rintis turut mendapati bahawa tidak semua modul yang dibangunkan mempunyai kekuatan dari aspek pencapaian objektif pelajaran. Modul 2 misalnya, walaupun pelajar dapat mencapai Objektif Pelajaran 1, iaitu ‘melengkapkan jadual yang diberi dengan maklumat yang terdapat dalam teks yang dibaca’, namun hanya sebahagian pelajar (50%) yang dapat ‘membuat ringkasan karangan yang lengkap berdasarkan teks yang dibaca’. Oleh sebab itu, beberapa perubahan terhadap bahan dan aktiviti akan dilakukan bagi memastikan pelajar boleh meringkaskan

karangan berdasarkan teks yang mereka baca ketika pelaksanaan peringkat penilaian lapangan dijalankan.

Begitu juga dengan Modul 5. Berdasarkan kajian rintis, didapati hanya sebahagian objektif pelajaran dicapai sepenuhnya. Dapatkan mendapati semua pelajar (16 pelajar) dapat menghuraikan sekurang-kurangnya empat nilai negatif masyarakat Malaysia berdasarkan teks yang dibaca (Objektif Pelajaran 1). Yang berikut adalah antara jawapan pelajar yang terdapat dalam lembaran kerja yang disediakan guru.

Nilai Murni Masyarakat	Huraian	Contoh
Menghormati ibu bapa	Mereka menganggap ibu bapa terutama yang sudah tuan sebagai bebanan.	Menjaga makan minum mereka atau memberi perhatian
Bekerjasama dalam masyarakat	Keadaan masyarakat yang mementingkan kebendaan atau mengutamakan aspek individistik	Beranggapan berupaya hidup sendiri
Kesopanan dalam perbualan	Tidak lagi menggunakan bahasa yang sopan	Tidak lagi menggunakan kata sapaan yang tepat dan menggunakan kata yang kasar
Kejujuran	Semakin lenyap	Rasuh semakin berleluasa dan semua perkara dilakukan berdasarkan agenda tersembunyi

(Sun Ran Di, 4 Wira).

Namun, bagi Objektif Pelajaran 2, semua pelajar tidak dapat menulis karangan jenis peribahasa yang panjangnya 120 patah perkataan. Hal ini berlaku kerana menurut guru yang menjalankan modul ini, aktiviti menulis karangan peribahasa sangat sukar dilaksanakan. Katanya:

“Pelajar bukan Melayu khususnya, tidak faham maksud peribahasa ‘bagai enam dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing’, apatah lagi nak (hendak) tulis karangan yang panjang”.

(TTBG2_KR).

Dalam temu bual dengan sekumpulan pelajar, mereka juga mengakui sukar menulis karangan jenis peribahasa. Oleh sebab itu, dalam penilaian lapangan, pengkaji

mengubah suai Objektif Pelajaran 2 ini agar sesuai dengan kemampuan pelajar, iaitu ‘Menulis seperengan karangan yang panjangnya lebih kurang 50 patah perkataan berdasarkan peribahasa yang diberi’.

Dalam Modul 6 pula, dapatan menunjukkan bahawa pelajar juga dapat mencapai objektif pelajaran sepenuhnya. Dalam Modul pelajaran ini, ketiga-tiga objektif pelajaran yang dirancang, iaitu “*Menyatakan secara lisan kesilapan budi bahasa yang dituturkan oleh pelaku berdasarkan bahan audio visual yang ditonton*” (*Objektif Pelajaran 1*), “*Menulis semula dialog antara Sudin dengan pengawal keselamatan dengan menggunakan kata sapaan yang tepat*” (*Objektif Pelajaran 2*), dan “*Menyatakan amalan budi bahasa yang positif dalam bentuk slogan berdasarkan gambar yang dilihat*” (*Objektif Pelajaran 3*) dapat dikuasai oleh pelajar.

Dalam aktiviti ‘mengenal pasti kesalahan kata sapaan berdasarkan bahan yang ditonton (Langkah 1)’, guru meminta pelajar mengenal pasti kesalahan kata sapaan yang digunakan pelakon dalam sedutan filem tersebut. Daripada bahan yang ditonton, pelajar dapat mengenal pasti kesalahan kata sapaan tersebut. Mereka sepakat mengatakan bahawa antara kesalahan yang dilakukan oleh pelakon tersebut ialah kata panggilan *oi* dan bagi menyapa pengawal keselamatan.

Dapatkan kajian juga menunjukkan bahawa semua kumpulan pelajar juga dapat membina semula dialog antara Sudin dengan pengawal keselamatan dengan menggunakan kata sapaan yang tepat. Antara contoh dialog yang dibina oleh pelajar kumpulan 1 ialah:

<i>Sudin:</i>		<i>Selamat sejahtera Encik singh. Boleh saya bertanya?</i>
<i>Pengawal Keselamatan:</i>		<i>Boleh. Apa yang encik ingin tanya?</i>
<i>Sudin:</i>		<i>Di sini ada kerja kosong tidak?</i>
<i>Pengawal Keselamatan:</i>		<i>Ada. Encik boleh berjumpa dengan pengarah.</i>
<i>Sudin:</i>		<i>Baiklah. Terima kasih.</i>
<i>Pengawal Keselamatan:</i>		<i>Sama-sama.</i>

Daripada tugas ini jelas bahawa pelajar dapat membaiki kesilapan kata panggilan yang digunakan oleh pelaku dalam sedutan filem yang ditontonkan berdasarkan aktiviti kumpulan yang dijalankan oleh guru.

Catatan lapangan juga mendapati pelajar dapat menyatakan amalan budi bahasa yang positif dalam bentuk slogan berdasarkan gambar (lembaran kerja) yang diberikan oleh guru. Melalui perbincangan antara guru dan pelajar, beberapa slogan yang menggambarkan amalan berbudi bahasa dapat dibina pelajar. Antara slogan tersebut ialah:

<i>Slogan 1</i>		<i>Beratur kita menaiki bas</i>
<i>Slogan 2</i>		<i>Jangan berebut-rebut ketika menaiki kenderaan awam</i>
<i>Slogan 3</i>		<i>Hormatilah orang yang lebih tua</i>

Kesimpulannya, enam modul, iaitu Modul 1, 3, 4, 7, 8, dan 9 dirancang dengan baik dan objektif pelajaran yang ditetapkan dapat dicapai oleh pelajar dalam penilaian kumpulan kecil atau kajian rintis. Akan tetapi, Modul 2, 5, dan 6 perlu diubah suai

kerana terdapat objektif pelajaran yang sukar dicapai. Jadual 4.5 di bawah menunjukkan rumusan kebolehcapaian objektif pelajaran oleh pelajar bagi setiap modul.

Jadual 4.5: Rumusan Analisis Penilaian Objektif Pelajaran bagi Setiap Modul Fasa Penilaian Kumpulan Kecil (Kajian Rintis)

Modul	Objektif Pelajaran 1	Objektif Pelajaran 2	Objektif Pelajaran 3	Huraian	Cadangan untuk Draf Akhir
Modul 1	Dicapai sepenuhnya	Dicapai sepenuhnya	-		
Modul 2	Dicapai sepenuhnya	<i>50 % sahaja yang mencapai objektif pelajaran</i>	-	Obj. Pel 2: pelajar tidak dapat meringkaskan karangan berdasarkan teks yang dibaca (Objektif Pelajaran 2)	Guru menggunakan pelbagai soalan bagi memandu pelajar menulis satu perenggan ringkasan karangan
Modul 3	Dicapai sepenuhnya	Dicapai sepenuhnya	-		
Modul 4	Dicapai sepenuhnya	Dicapai sepenuhnya	-		
Modul 5	Dicapai sepenuhnya	<i>Semua pelajar gagal mencapai objektif pelajaran</i>	-	Pelajar gagal menulis karangan jenis peribahasa yang panjangnya 120 patah perkataan.	Ubah suai Objektif Pelajaran 2 sesuai dengan kemampuan pelajar: 'menulis seperenggan karangan yang panjangnya lebih kurang 50 patah perkataan'
Modul 6				Semua pelajar tidak boleh menulis karangan yang panjangnya 120 patah kata berdasarkan peribahasa 'bagai enau dalam belukar melepaskan pucuk masing-masing'	
Modul 7	Dicapai sepenuhnya	Dicapai sepenuhnya	-		
Modul 8	Dicapai sepenuhnya	Dicapai sepenuhnya	-		
Modul 9	Dicapai sepenuhnya	Dicapai sepenuhnya	Dicapai sepenuhnya		

Kesesuaian Masa yang Ditetapkan untuk Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran

Kajian rintis juga dilaksana bagi mendapatkan data tentang kesesuaian masa yang diperuntukkan dalam sesuatu sesi pengajaran dalam modul yang dibangunkan

ini. Bagi menganalisis data ini, pengkaji membuat perbandingan antara masa yang disepatutnya digunakan oleh guru (seperti mana yang dinyatakan dalam modul pengajaran) dengan masa yang sebenarnya digunakan oleh guru dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah.

Dapatan kajian menunjukkan, Modul 1 dan 6 dirancang dengan baik dan semua aktivitinya dapat dijalankan dalam waktu yang ditetapkan. Dalam Induksi Set Modul 1 misalnya, pelajar dapat mengenali isu buang bayi melalui lagu “Harapan Tanpa Suara” dalam waktu yang ditetapkan (lima minit). Begitu juga dengan dengan Langkah pengajaran dan pembelajaran 1, 2, 3, dan penutup. Dalam Langkah 1 misalnya, pelajar dapat menyatakan pandangan mereka terhadap isu ‘buang bayi’ berdasarkan petikan akhbar yang dibaca dalam tempoh masa yang ditetapkan (25 minit). Keseluruhannya, masa yang dirancang sesuai dengan aktiviti yang dijalankan.

Namun, dalam Modul 2, 3, 5, 7 dan 8 beberapa perubahan dan pengubahsuaian perlu dilakukan. Dalam Modul 2 misalnya, masa yang dirancang bagi setiap aktiviti pengajaran dan pembelajaran tidak ditepati sepenuhnya kerana guru menamatkan pengajaran dalam Langkah 1 dua minit lebih awal berbanding waktu sebenar (20 minit). Hal ini disebabkan (1) bahan pengajaran dan pembelajaran, iaitu gambar tentang mangsa jenayah ragut tidak mencukupi, dan (2) guru tidak menghuraikan bahan pembelajaran ini dengan terperinci. Berdasarkan kelemahan perancangan masa pengajaran ini, beberapa perubahan dilakukan dalam draf 3, iaitu draf yang diuji dalam penilaian lapangan.

Dalam Modul 3 pula, aktiviti menulis sajak ringkas dalam Langkah 3 tidak dapat dilaksanakan dalam waktu 20 minit sebagaimana yang dirancangkan kerana aktiviti menulis sajak agak sukar dilaksanakan. Dapatan menunjukkan, waktu yang sesuai bagi aktiviti ini ialah 25 minit. Kesukaran melaksanakan aktiviti menulis sajak

ringkas dengan menggunakan kata-kata indah ini diakui oleh pelajar dan guru. Data temu bual separa berstruktur dengan pelajar mendapati aktiviti ini sukar dijalankan kerana “jarang dilakukan oleh guru”. Yang berikut adalah antara hasil sajak ringkas yang dibina oleh pelajar (Jannah, TP1: Penilaian Kumpulan Kecil).

*Bangkitlah perwira di medan derita
Ayuh merentangi onak berliku
Demi meneruskan kehidupanmu
Tabahkan hatimu meniti hari-hari mendatang
Tempuhilah segalanya dengan redha*

Keseluruhannya, masa yang diperuntukkan untuk aktiviti pengajaran dan pembelajaran sesuai dan dapat dijalankan kecuali aktiviti dalam Langkah 2, iaitu melakonkan tugas yang diberi berdasarkan kata sapaan yang betul. Dapatkan menunjukkan bahawa aktiviti ini memerlukan masa yang agak panjang. Oleh sebab itu, dalam penilaian lapangan sebenar, tambahan masa 5 minit diperlukan bagi menjalankan aktiviti ini. Sebaliknya, dalam Langkah 3, peruntukan masa 25 minit terlalu panjang kerana aktiviti “menganalisis kesalahan kata sapaan” yang terdapat dalam petikan akhbar hanya memerlukan masa 20 minit sahaja.

Dalam Modul 4, masa pengajaran bagi setiap langkah pengajaran perlu diubah semula. Kajian rintis terhadap modul ini menunjukkan bahawa aktiviti membina dialog dengan menggunakan kata sapaan yang tepat tidak dapat dijalankan dalam waktu 20 minit, manakala aktiviti mengenal pasti dan membetulkan kesalahan kata panggilan dalam petikan akhbar dapat dijalankan dalam waktu yang pendek sahaja. Kesimpulannya, masa yang dirancang dalam Modul ini perlu pengubahsuaian.

Kajian rintis juga mendapati masa yang dicadangkan untuk Langkah 1 dan Langkah 2 dalam Modul 5 perlu diubah suai. Aktiviti membaca dan perbincangan tentang teks ‘Nilai-nilai Murni yang Semakin Dilupakan’ dalam Langkah 2 memerlukan masa yang agak panjang (sekurang-kurangnya 25 minit). Dapatkan

menunjukkan aktiviti ‘mengenal pasti dan menghuraikan contoh’ mengambil masa 25 minit dan bukannya 20 minit sebagaimana yang dirancangkan.

Seperti mana Modul 5, masa yang diperuntukkan untuk langkah pengajaran dalam Modul 7 juga tidak sesuai. Dalam Langkah 1 misalnya, aktiviti mengesan dan menganalisis bunyi dapat dilaksanakan oleh guru dalam waktu yang pendek. Dalam Langkah 2 dan 3 pula, masa yang diperuntukkan tidak sesuai. Dalam Langkah 2, aktiviti mengesan ‘punca dan kesan pemanasan global terhadap alam sekitar’ dapat dilaksanakan dalam masa 20 minit sahaja. Namun, aktiviti berforum tentang “Peranan kita bagi mengatasi masalah pemanasan global” memerlukan waktu yang agak panjang, iaitu 30 minit. Oleh itu, dalam pengajaran seterusnya (kajian lapangan), pengubahsuaian masa perlu dilakukan.

Selain itu, masa yang dirancang dalam Modul 8 juga perlu diubah suai. Dalam Induksi Set misalnya, masa 5 minit yang diperuntukkan untuk aktiviti menonton dan berbincang tentang video lagu ‘Cuti-cuti Malaysia’ tidak mencukupi kerana lagu ini agak panjang, iaitu kira-kira 4 minit. Oleh itu, dalam penilaian lapangan/sebenar, perancangan masa untuk setiap langkah pengajaran perlu disusun semula.

Dalam modul yang terakhir, iaitu Modul 9, masa yang dirancang dalam Induksi Set kurang sesuai kerana lagu “Menghilir Sungai Pahang” yang digunakan sebagai bahan bantu pembelajaran mengambil masa selama 4 minit. Ini bermakna, pengubahsuaian masa pembelajaran perlu dilakukan dalam draf akhir modul. Namun, langkah pengajaran dan pembelajaran yang lain dapat dijalankan dalam masa yang diperuntukkan. Jadual 4.6 menunjukkan analisis kesesuaian masa yang ditetapkan dalam langkah pelajaran.

Jadual 4.6: Analisis Masa Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran Modul

Modul	Komen	Catatan/cadangan pengkaji
Modul 1	Dapat dijalankan sebagaimana yang dirancang	
Modul 2	Tidak ditepati sepenuhnya kerana guru menamatkan pengajaran dalam Langkah 1 dua minit lebih awal berbanding waktu sebenar (20 minit). Hal ini disebabkan (1) bahan pengajaran dan pembelajaran, iaitu gambar tentang mangsa jenayah ragut tidak mencukupi, dan (2) guru tidak menghuraikan bahan pembelajaran ini dengan terperinci.	Berdasarkan kelemahan perancangan masa pengajaran ini, beberapa perubahan dilakukan dalam draf 3, iaitu draf yang diuji dalam penilaian lapangan.
Modul 3	Aktiviti menulis sajak ringkas dalam Langkah 3 tidak dapat dilaksanakan dalam waktu 20 minit sebagaimana yang dirancangkerana aktiviti menulis sajak agak sukar dilaksanakan.	Dapatkan menunjukkan, waktu yang sesuai bagi aktiviti ini ialah 25 minit.
Modul 4	Ubah suai masa. Langkah 1 sesuai. Langkah 2 tidak cukup masa	Langkah 1 tambah 5 minit, Langkah 3 boleh dikurangkan 5 minit kerana aktiviti ini boleh dijalankan dalam waktu 15-20 minit sahaja.
Modul 5	Masa yang dicadangkan untuk Langkah 1 dan Langkah 2 perlu pengubahsuaian. Aktiviti membaca teks dan perbincangan dalam Langkah 2 memerlukan masa yang agak panjang (tambah 5 minit). Yang lain sesuai.	
Modul 6	Dapat dijalankan sebagaimana yang dirancang	
Modul 7	Masa yang diperuntukkan untuk langkah pengajaran tidak sesuai. Langkah 1 dapat dilaksanakan oleh guru dalam waktu yang pendek manakala aktiviti dalam Langkah 2 dan Langkah 3 memerlukan masa yang agak panjang	Bunyi yang relevan perlu ditambah bagi menggambarkan kontradiks antara bunyi kedamaian dan kebisingan.
Modul 8	Kurang sesuai khususnya Induksi Set. Lagu ‘Cuti-cut Malaysia’ mengambil masa 4 minit.	Dicadangkan tambahan 3 minit untuk pelaksanaan aktiviti dalam Induksi Set.
Modul 9	Masa yang dirancang kurang sesuai kerana lagu “Menghilir Sungai Pahang” yang digunakan dalam Induksi Set mengambil masa 4 minit. Langkah pengajaran dan pembelajaran yang lain dapat dijalankan dalam masa yang diperuntukkan.	Tambahan 2 minit diperlukan bagi aktiviti pengajaran dan pembelajaran ini.

Kebolehlaksanaan Bahan dan Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran

Bagi mendapatkan data tentang kebolehlaksanaan bahan dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran, beberapa kaedah digunakan. Antara kaedah yang digunakan ialah catatan pemerhatian pengkaji, temu bual separa berstruktur yang dijalankan secara bersemuka dengan guru dan pelajar setelah mengikuti sesi pengajaran. Selain itu, pengkaji juga mendapatkan komen pelajar dan guru secara

langsung terhadap kesesuaian bahan dan aktiviti pelajaran dan pembelajaran yang dijalankan. Data temu bual dan komen yang diberikan oleh guru dan pelajar dianalisis bagi mendapatkan maklumat tentang kebolehlaksanaan bahan dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dari aspek:

- (1) Kebolehtadbiran dan kebolehurusan aktiviti pengajaran.
- (2) Kebolehgunaan modul oleh pelajar dengan baik.
- (3) Kebolehfahami terhadap bahan bantu mengajar yang digunakan dalam modul ini.
- (4) Keberkesanan penggunaan bahan audio dan visual.
- (5) Kejelasan dan kemampuan bahan media yang digunakan dalam modul ini membantu proses pengajaran dan pembelajaran.
- (6) Kebolehklaksanaan langkah-langkah pengajaran yang dirancang dalam modul ini dengan baik.

Menyentuh tentang keberkesanan bahan audio visual yang digunakan dalam Modul 1, pelajar menyatakan bahawa penggunaan video ‘Kami Prihatin’ (isu buang bayi) sangat menarik dan dapat memberi gambaran yang tepat tentang isu yang dibincangkan. Namun, mereka mencadangkan agar video yang digunakan perlu dibaiki dari aspek mutu suara.

Kajian ini juga mendapati bahan pengajaran dan pembelajaran yang digunakan dalam modul ini jelas dan membantu proses pengajaran dan pembelajaran. Penggunaan bahan bantu seperti lembaran kerja (jadual dan rajah) dapat membantu pelajar mencapai objektif pelajaran. Dalam Modul 1 (Langkah 2) misalnya, penggunaan lembaran kerja dapat membantu pelajar memahami teks ‘Remaja dan Masalah Sosial’ dengan berkesan.

Menyentuh hal keberkesanan bahan audio visual yang digunakan dalam modul ini, pelajar menyatakan bahawa penggunaan *power point* tentang mangsa ragut sangat menarik dan dapat memberi gambaran yang tepat tentang isu yang dibincangkan. Menurut mereka bahan-bahan ini sesuai digunakan bukan kerana mempunyai mesej yang jelas tentang gejala ragut, tetapi dapat menyentuh perasaan mereka.

Kajian ini juga mendapati bahan pengajaran dan pembelajaran yang digunakan dalam Modul 2 jelas dan membantu proses pengajaran dan pembelajaran. Penggunaan bahan bantu seperti lembaran kerja (jadual dan rajah) dapat membantu pelajar mencapai objektif pelajaran. Dalam Modul 2 (Langkah 2) misalnya, penggunaan lembaran kerja seperti “Jadual Kes Ragut Di Kuala Lumpur” dapat membantu pelajar membuat ringkasan karangan berpandukan teks yang dibaca. Dapatkan mendapati pelajar boleh memahami dan mencari maklumat dalam teks ‘Kes Ragut di KL naik 100 peratus!’ dengan lebih cepat dan tepat. Hasilnya pelajar dapat menulis ringkasan dengan baik berdasarkan teks tersebut seperti yang ditunjukkan di bawah:

Aktiviti Pelajaran

Ringkaskan karangan berdasarkan teks berjudul ‘Kes Ragut Meningkat 100% Di Kuala Lumpur’

Aktiviti 1: Membaca teks



M2_L2

Arahan: Baca teks ini. Kemudian, kenal pasti isu yang dibincangkan dan lengkapkan maklumat dalam jadual yang diberi.

Kes ragut di KL naik 100 peratus!
Oleh TAN MING WAI
pengarang@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 16 April – Jenayah ragut di ibu negara semakin membebaskan dengan peningkatan 99 peratus kes dalam tempoh empat bulan pertama tahun ini, berbanding tempoh yang sama tahun lalu. Jenayah ragut antara Januari hingga April tahun ini mencatatkan kenaikan sebanyak 600 kes iaitu 1,206 kes berbanding 606 kes sepanjang tempoh yang sama tahun lalu.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Kuala Lumpur, Datuk Ku Chin Wah berkata, selain jenayah ragut, turut meningkat secara mendak adalah samun berkumpulan tanpa senjata api dengan 1,005 kes atau peningkatan 80.5 peratus.

“Empat bulan pertama tahun lalu jenayah itu merekodkan 1,249 kes, tahun ini pula mencapai 2,254 kes.

“Samun bersorongan tanpa senjata api pulak turut meningkat sebanyak 24 peratus iaitu dari 234 kes kepada 290 kes,” katanya pada sidang akbar di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kuala Lumpur di sini hari ini.

Menurut Chin Wah, ketiga-tiga jenayah terabit menyumbang 31 peratus dalam keseluruhan indeks jenayah di Kuala Lumpur setakat April tahun ini. Memandang berat perkembangan itu, menurutnya, satu operasi besar-besaran telah dilancarkan oleh polis Kuala Lumpur sebagai langkah proaktif untuk mencegahnya daripada terus meningkat, katanya.

(Sumber: Utusan Malaysia, 17/04/2009)

Aktiviti 2:

Pindahkan maklumat dalam teks dalam jadual yang disediakan

Jenis Jenayah	Jangka Masa		Bilangan Kes	Peratus Peningkatan
	Januari-April 2008	Januari-April 2009		
Ragut	606	1206	600	99%
Samun berkumpulan tanpa senjata api	1249	2254	1005	80.5%
Samun bersorongan tanpa senjata api	234	290	56	24%

- ① Jenayah
- ② Samun gerayak
- ③ Samun bersorongan tanpa senjata api
- ④ Kadur kes yang paling tinggi
- ⑤ Kadur pelaku kes yang paling tinggi
- ⑥ paling rendah
- ⑦ bilangan kes dalam jangka masa

Lampiran H4

Jenayah
Jadual diatas memfunktion kes **ragut** di Kuala Lumpur. Terdapat tiga jenis jenayah yang kuarantin membabitkan di Kuala Lumpur iaitu ragut, samun berkumpulan tanpa senjata api dan samun bersorongan tanpa senjata api. Kes-kes ini berasaskan jangka masa nombor bulan pertama iaitu bulan Januari hingga April antara tahun 2008 dan 2009. Kadur kes yang paling tinggi iaitu jenayah ragut iaitu sebanyak 99 peratus. Jadual perikatan kes yang paling tinggi iaitu samun berkumpulan tanpa senjata api iaitu jumlah peningkatan sebanyak 1005 kes. Samun bersorongan tanpa senjata api puna mengalami kes yang paling rendah. Kes jenayah ini semakin bertambah kerana kurangnya longgeng bijaksaga-jaga oleh individu yang menggunakan beg tangans. Selain itu juga, kawalan yang ketat dan pihak polis juga tidak tetap.



Aktiviti 3: Meringkaskan karangan

Dapatkan kajian juga mendapati langkah pengajaran dalam Modul 3 boleh diurus kerana arahan guru jelas dan mudah difahami. Namun, pelajar menyatakan bahawa gambar-gambar yang digunakan dalam Induksi Set tidak mencukupi. Mereka mencadangkan agar gambar yang digunakan dalam Induksi Set ni perlu ditambah dengan gambar yang lebih sesuai dengan konteks negara ini.

Menyentuh tentang keberkesanannya bahan audio visual yang digunakan dalam modul ini pula, pelajar menyatakan bahawa penggunaan lagu ‘Wajah’ (dalam Modul 3) sangat menarik dan dapat memberi gambaran yang tepat tentang isu yang dibincangkan. Menurut mereka, lagu ‘Wajah’ juga sesuai digunakan kerana mempunyai mesej yang baik tentang kemiskinan dan kesusahan golongan OKU. Mereka juga menyatakan bahawa video “Kemiskinan Sejagat” juga dapat menggambarkan ciri-ciri kemiskinan yang mencukupi, iaitu tentang kekurangan makanan, tiada tempat tinggal, bilangan anak yang ramai, tiada pendapatan tetap, dan tidak mendapat pendidikan yang mencukupi. Namun, mereka mencadangkan agar video-video yang digunakan perlu dibaiki. Video ‘Kemiskinan Sejagat’ misalnya mempunyai lagu latar yang tidak menarik (menggunakan bahasa Inggeris) dan terdapat gambar yang tidak sesuai dengan masyarakat Islam di negara ini, iaitu gambar babi sebagai binatang peliharaan.

Bagi Modul 4 pula, aktiviti “menganalisis kesalahan kata panggilan/sapaan” berdasarkan teks yang diberi (Langkah 1) tidak menarik kerana aktiviti ini melibatkan hanya seorang pelajar, sedangkan aktiviti ini melibatkan dialog antara dua atau lebih pelajar. Oleh sebab itu, dalam pelaksanaan modul akhir nanti, dicadangkan supaya aktiviti ini dijalankan secara berpasangan/berkumpulan dan pelajar lain dikehendaki mengenal pasti kesalahan yang didialogkan.

Selain itu, kajian juga mendapati arahan yang digunakan dalam Langkah 1, 2 dan 3 kurang jelas. Pelajar dan guru menyatakan bahawa mereka kurang jelas dengan arahan yang diberikan. Oleh sebab itu, beberapa pindaan terhadap penulisan arahan dilakukan agar aktiviti dapat dijalankan dengan mudah dan berkesan. Perubahan yang dilakukan terhadap penulisan arahan dalam Langkah 1 adalah seperti yang dinyatakan di bawah:

Arahan asal	Arahan pindaan
Secara berkumpulan, baca dialog yang dibekalkan ini secara berpasangan.	Secara berpasangan, lakonkan dialog yang dibekalkan ini.
Kenal pasti pelaku dalam dialog tersebut.	Kenal pasti pelaku dalam dialog tersebut.
Kenal pasti situasi perbualan tersebut.	Kenal pasti situasi perbualan tersebut.
Analisis kesalahan penggunaan kata sapaan yang digunakan dalam dialog ini.	Gariskan kesalahan sapaan yang terdapat dalam dialoq tersebut.
	Analisis dan betulkan kesalahan penggunaan kata sapaan tersebut.
	Lakonkan semula dialog di atas dengan menggunakan kata sapaan yang betul.

Perubahan yang dilakukan terhadap arahan dalam Langkah 1 ini dapat memandu pelajar melakukan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dengan lebih jelas dan berkesan. Data di atas menunjukkan bahawa perubahan arahan (berhuruf gelap) dapat memandu pelajar untuk melakukan aktiviti dengan tepat, misalnya:

- i) “Lakonkan dialog” berbanding “Baca dialog”
- ii) “Gariskan kesalahan sapaan yang terdapat dalam dialog tersebut”, berbanding “Kenal pasti situasi perbualan tersebut”.

Bagi Modul 5, data kajian rintis mendapati bahan bantu mengajar (BBM) yang digunakan bagi dalam Induksi Set, iaitu ‘Pembayar cukai mula serbu LHDN’ dan ‘Kelam kabut bayar saman trafik’ tidak sesuai kerana ramai pelajar tidak memahami isu yang dibincangkan. Guru mencadangkan agar isu yang sesuai dengan tahap pengetahuan pelajar digunakan. Beliau mencadangkan agar BBM lain seperti gambar ‘merempit di jalan’, ‘ponteng sekolah’, dan ‘berebut ketika menaiki bas’ digunakan.

Namun, bahan yang digunakan dalam Langkah 2 sangat sesuai digunakan. Dapatan kajian rintis mendapati semua pelajar dapat mengenal pasti nilai-nilai murni yang semakin dilupakan dalam teks ini. Hal ini diakui sendiri oleh guru dan pelajar.

Kata mereka, “bahan ini baik kerana mengandungi maklumat yang cukup tentang isu yang ingin dibincangkan” (TTBG2_KR).

Dalam Modul 6 pula, semua aktiviti pengajaran yang dirancang boleh dilaksanakan kecuali aktiviti pelajaran dalam Langkah 3. Dapatan pemerhatian menunjukkan aktiviti pelajaran dalam Langkah 3 tidak menarik kerana gambarnya kurang sesuai bagi melambangkan budi bahasa. Temu bual pelajar mendapati gambar yang digunakan kurang jelas. Cikgu Tina (G2_KR) misalnya menyatakan bahawa gambar yang digunakan hendaklah disusun berdasarkan padanan yang sesuai dan beberapa gambar lain yang lebih sesuai perlu digunakan bagi mengimbangi masa yang dirancang. Antara cadangan beliau ialah:

	
<i>Beratur kita menaiki bas</i>	<i>Hormatilah orang yang lebih tua</i>
	
<i>Borsopan santunlah pada tempatnya</i>	<i>Jangan berebut-rebut ketika menaiki kenderaan awam</i>

	
<i>Utamakan orang kurang upaya</i>	<i>Bersopan santunlah ketika bertugas</i>

Berdasarkan pelaksanaan Modul 7 dalam kajian rintis pula, pengkaji dapati beberapa pengubahsuaian perlu dilakukan. Catatan pemerhatian menunjukkan bahawa pelaksanaan aktiviti ini kurang berkesan kerana guru kurang jelas dengan cara aktiviti ini perlu dijalankan. Hal ini diakui oleh sendiri oleh guru Zaiton. Katanya:

“saya tidak tahu cara nak jalankan aktiviti ini dengan baik. Susah sikitla. Oleh sebab itu, bagi mengatasi masalah ini, saya mencadangkan agar arahan Induksi Set diubah suai” (TTBG3_KR).

Antara cadangannya ialah:

- (1) Mainkan bunyi satu persatu (yang bising dan kemudian diikuti bunyi yang mendamaikan).
(bunyi bising yang didengarkan hendaklah bunyi yang berkaitan dengan pencemaran alam sekitar seperti bunyi kilang, kenderaan dan sebagainya).
- (2) Bersoal jawab dengan pelajar tentang bunyi yang didengarkan.
- (3) Bincangkan pandangan pelajar tentang bunyi yang didengar.

Dalam Langkah 1, bagi menganalisis bunyi yang didengarkan, dicadangkan penggunaan borang analisis bunyi seperti yang dinyatakan di bawah bagi memastikan

kemahiran mendengar dapat dijalankan dengan berkesan. Lembaran kerja di bawah digunakan bagi membantu pelajar menganalisis bunyi-bunyi alam.

Borang Analisis Bunyi

Bunyi	Soalan	Analisis pelajar
(Bunyi kenderaan)	Bunyi apa?	_____
	Apakah perasaan anda apabila mendengar bunyi ini?	_____
	Apakah kesan bunyi ini kepada alam sekitar?	_____

Langkah 2 juga perlu diubah suai kerana kaedah perbincangan secara kelas tidak menarik. Antara pengubahsuaian dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran bagi Langkah 2 ialah:

Langkah asal		Langkah pindaan
1)	Pelajar dibahagikan kepada 4 kumpulan	1) Pelajar dibahagikan kepada 5 kumpulan
2)	Guru mengedarkan brosur tentang pemanasan global.	2) Guru mengedarkan brosur tentang pemanasan global.
3)	Pelajar diminta berbincang dalam kumpulan bagi membincangkan definisi, punca, kesan dan cara mengatasi pemanasan global.	3) Pelajar diminta berbincang dalam kumpulan bagi membincangkan definisi, punca, kesan dan cara mengatasi pemanasan global.
4)	Guru membekalkan ‘Jadual pemanasan global’ bagi membantu pelajar mencari isi dengan berkesan.	4) Pelajar diminta mengisi lembaran kerja bertajuk ‘Pemanasan Global’ dengan maklumat yang diperoleh.
5)	Guru dan pelajar berbincang tentang jawapan pelajar.	5) Pelajar diminta membentangkan tugasannya di hadapan kelas secara berkumpulan. 6) Setiap kali perbentangan dilakukan, satu kumpulan lain ditugaskan mengemukakan soalan kepada kumpulan yang membentangkan. 7) Guru dan pelajar berbincang tentang jawapan pelajar.

Selain itu, dapatan daripada kajian rintis terhadap Modul 8 mendapati keseluruhan langkah pelajaran yang dirancang boleh dilaksanakan. Akan tetapi, beberapa pengubahsuaian perlu dilakukan bagi memastikan keberkesanannya. Antara pengubahsuaian yang dilakukan dalam Langkah 1 ialah:

Langkah Pengajaran	Aktiviti Pelajaran dan Pembelajaran Asal	Aktiviti Pelajaran dan Pembelajaran Pindaan
Langkah 1	<ul style="list-style-type: none"> Guru menunjukkan logo ‘Cuti-cut Malaysia’ Guru berasal jawab dengan pelajar tentang logo ini. Guru memainkan lagu ‘Cuti-cut Malaysia’. Guru meminta pelajar menyatakan beberapa tempat pelancongan yang mereka tahu berdasarkan video yang dilihat. Guru menjelaskan jenis-jenis pelancongan yang terdapat di negara ini. 	<p style="text-align: center;">Langkah 1</p> <ul style="list-style-type: none"> Guru menunjukkan logo ‘Cuti-cut Malaysia’ Guru berasal jawab dengan pelajar tentang logo ini. Guru memainkan lagu ‘Cuti-cut Malaysia’. Guru meminta pelajar menyatakan nama tempat pelancongan yang dipaparkan dalam video dan menamakan kategorikan jenis pelancongan tersebut.

Keseluruhannya, Modul 8 boleh dilaksanakan kerana penggunaan lembaran kerja dalam Langkah 1 misalnya, seperti yang ditunjukkan di bawah dapat membantu pelajar mengesan kawasan dan jenis pelancongan yang dipaparkan dalam video lagu ‘Cuti-cut Malaysia’. Yang berikut adalah antara jawapan pelajar dalam lembaran kerja yang menunjukkan kemampuan mereka mengesan kesan dan jenis pelancongan yang ditunjukkan dalam video tersebut.

Contoh Jawapan Pelajar dalam Lembaran Kerja

Bil.	Kawasan pelancongan	Jenis pelancongan
1.	Lata Kinjang, Perak	Alam semula jadi
2.	Pulau Langkawi	Pantai
3.	Pulau Tioman	Pantai
4.	Menara Berkembar Petronas	Seni bina
5.	Tasik Kenyir	Alam semula jadi
6.	Melaka	Bandar bersejarah
7.	Gunung Kinabalu	Alam semula jadi
8.	Gua Kalam	Alam semula jadi

Kesimpulannya, aktiviti pengajaran dan pembelajaran dalam Modul 8 boleh dilaksanakan, terutamanya dengan adanya penggunaan bahan bantu mengajar seperti jadual dan bahan audio visual.

Kajian rintis juga mendapati, aktiviti dan bahan bantu mengajar yang dirancang dalam Modul 9 ini dapat digunakan. Temu bual dengan sekumpulan pelajar mendapati, bahan audio visual yang digunakan jelas dan boleh difahami. Dalam Langkah 1 misalnya, pelajar dapat menyatakan persamaan dan perbezaan kegunaan air berdasarkan bahan yang dipaparkan dalam ‘*power point*’. Pelajar juga dapat menyatakan nilai air dalam bentuk rajah berdasarkan teks ‘Menghargai nilai air’ yang dibaca (Langkah 2). Selain itu, dalam Langkah 3, pelajar juga dapat menyatakan punca, kesan dan cara mengatasi masalah pencemaran sungai berdasarkan video ‘Tabiat tak apa bumi binasa’ yang ditonton. Keseluruhannya, bahan dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang disediakan dapat dilaksanakan dan membantu pelajar menguasai isi pelajaran.

Kemampuan Bahan dan Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran Menarik Minat Pelajar dan Menyokong Kemahiran Berbahasa

Bagi mendapatkan data tentang kemampuan bahan dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran menarik minat pelajar, iaitu satu lagi aspek yang menjadi tanda aras kekuatan dan kelemahan modul yang dibangunkan, temu bual separa berstruktur terhadap guru dan pelajar digunakan. Temu bual separa struktur dijalankan terhadap guru dan pelajar bagi mendapatkan data tentang kemampuan bahan dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dalam modul ini menarik minat pelajar.

Dapatan temu bual separa struktur dengan pelajar mendapati secara keseluruhannya, semua modul yang dirintis menarik minat mereka. Kajian mendapati pelajar seronok mengikuti aktiviti pelajaran yang dijalankan. Mereka juga menyatakan bahawa modul ini boleh difahami dan menarik. Mereka juga menyatakan bahawa tiada bahagian atau aktiviti yang membosankan, malah menurut mereka, aktiviti yang

dijalankan menarik kerana dapat membantu mereka membuat rumusan berdasarkan teks yang dibaca secara tidak langsung. Mereka turut menyatakan bahawa tiada aktiviti yang mereka tidak gemari, malah mereka menyatakan bahawa bahan pengajaran dan pembelajaran serta aktiviti pengajaran yang dijalankan dapat menanam perasaan ingin tahu mereka terhadap isu atau topik yang diajar.

Dapatan kajian juga mendapati kemahiran bahasa pelajar dapat ditingkatkan, malah mereka berpendapat bahawa kemahiran bahasa yang digunakan untuk pelajaran yang lain. Keseluruhannya, mereka berpendapat, semua modul yang mereka ikuti menarik dan boleh dilaksanakan, khususnya penggunaan bahan yang pelbagai seperti video, lagu dan gambar yang sesuai.

Dalam Modul 4 yang bertajuk “Bahasa Kita Jiwa Kita” misalnya, rata-ratanya pelajar memberi maklum balas yang positif. Menurut mereka, aktiviti bertutur dengan menggunakan kata sapaan yang betul sangat menarik dan dapat mengukuhkan penguasaan kemahiran bertuturnya. Pelajar 4 Waja (Lee Wai Mey) misalnya, menyatakan bahawa bantu mengajar dan aktiviti yang dijalankan dalam modul ini dapat mengukuhkan penguasaan kemahiran bertuturnya (TBP_KR_M4). Malah, rakannya (Hazwani) menambah, modul ini dapat membantunya bercakap di hadapan kelas. Katanya, modul ini “dapat meyakinkan saya untuk bercakap di hadapan kelas” (TBP_KR_M4).

Selain itu, aktiviti yang dijalankan dalam modul ini tidak membosan mereka. Kata mereka, aktiviti yang dijalankan “sangat menarik, tidak membosankan, dan dapat mengeratkan hubungan” (Chai, TBP_KR_M4). Modul ini juga dapat meningkatkan kemahiran bertutur pelajar. Melalui aktiviti membina dialog dan bertutur dengan kata sapaan yang tepat, pelajar (Hamimi) menyatakan bahawa;

“modul ini dapat membantu saya meningkatkan kemahiran berbahasa dan mempraktikkan kemahiran bertutur saya dengan betul”

(TBP_KR_M4)

Pandangan pelajar tentang kekuatan Modul 4 ini disokong oleh Cikgu Wan Hafiz. Beliau juga menyatakan bahawa modul ini tidak membosankan. Katanya,

“pelajar tidak bosan (dengan aktiviti yang dijalankan dalam modul ini) kerana (modul 4 ini) mempunyai pelbagai bahan dan aktiviti”.

(TBG_KR_M4)

Data daripada kajian rintis Modul 9 juga menunjukkan bahawa modul ini menarik minat pelajar dari aspek penggunaan bahan bantu mengajar. Menurut pelajar (Nur Raihul), modul ini sangat menarik kerana pelbagai bahan bantu mengajar digunakan. Katanya:

“Saya menyukai modul ini kerana dapat menarik minat saya dan cara belajar yang mudah difahami (dan dilakukan) dalam bentuk berkumpulan tidak membosankan. Iringan muzik dan alat untuk membantu proses pengajaran dan pembelajaran”

TBP_KR_M9)

Menurut pelajar lagi, Modul 9 juga menarik kerana pelbagai bahan audio visual digunakan. Menurut Nur Amira, *“saya dapat belajar dengan berkesan melalui lagu, video, gambar slide yang menarik”*, malah, beliau menambah:

“Saya berharap guru dapat mengajar melalui kaedah ini lagi”

(TBP_KR_M9).

Dapatan temu bual guru terhadap kajian rintis Modul 9 ini juga menunjukkan bahawa secara keseluruhannya pelaksanaan modul ini berjaya menarik minat pelajar kerana penggunaan pelbagai bahan bantu mengajar. Kata Cikgu Zaiton:

“Gabungan pelbagai bahan bantu seperti video, audio, dan petikan teks berjaya mengekalkan minat pelajar untuk meneruskan pembelajaran. Pada pandangan saya, modul ini boleh dilakukan dalam konteks pengajaran yang sebenar.”

(TBG3_KR_M9).

Kesimpulannya, semua bahan bantu mengajar dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan dalam modul ini memberi kesan yang positif terhadap aktiviti pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di bilik darjah Tingkatan Empat. Data temu bual dengan guru dan pelajar menunjukkan bahawa mereka sangat tertarik dengan modul ini kerana penggunaan pelbagai bahan yang relevan kemampuan modul ini meningkatkan kemahiran berbahasa pelajar.